

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID
[PADANG TERAP]**

SOALAN

DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID [PADANG TERAP] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah peranan Malaysia di dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi membantu mengatasi krisis kemanusiaan di Yaman terutamanya dari aspek keperluan makanan dan ubat-ubatan kesan daripada peperangan yang berlaku ditambah pula dengan wabak pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Padang Terap di atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia, Malaysia sentiasa memantau pergolakan yang berlaku di Yaman sejak tahun 2015. Malah, selaku anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Malaysia juga sentiasa komited melaksanakan peranannya dengan menghulurkan bantuan kemanusiaan kepada Yaman. Antaranya, menyalurkan sumbangan kewangan tahunan kepada *Islamic Solidarity Fund (ISF)* dan *Islamic Development Bank (IsDB)*, iaitu Organisasi Subsidiari OIC.

3. Terbaru, Malaysia menerusi OIC menyerahkan bantuan ISF kepada 21 buah negara yang kurang membangun, termasuk Yaman pada 25 Jun

2020. Bantuan tersebut disumbangkan bertujuan meningkatkan keupayaan sektor kesihatan negara-negara tersebut bagi menangani krisis COVID-19.

4. Selain itu, sumbangan Malaysia bersama negara anggota OIC kepada IsDB telah membolehkan penubuhan dana bantuan khas berjumlah USD100 juta (RM428.7 juta). Dana bantuan tersebut akan diagihkan secara berperingkat dalam tempoh empat (4) tahun mulai tahun 2020 hingga tahun 2023 bagi menangani krisis kemanusiaan di negara itu.

5. Dana bantuan kewangan tersebut turut meliputi peruntukan USD36.6 juta (RM156.9 juta) bagi menangani penularan wabak COVID-19. Pengumuman bantuan ini telah dibuat oleh IsDB semasa Persidangan Penderma untuk Yaman (*Donors Conference for Yemen*) yang diadakan secara atas talian (*virtual*) pada 2 Jun 2020 lalu.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Usaha Malaysia dalam menangani isu-isu kemanusiaan yang dihadapi Yaman tidak terhad kepada platform OIC sahaja. Malaysia juga berusaha menghulurkan bantuan menerusi pelbagai kapasiti dan melalui pelbagai saluran yang tersedia termasuklah di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

7. Sebagai contoh, Malaysia menyumbang sebanyak USD100,000 (RM428 ribu) di *High Level Pledging Conference for Humanitarian Crisis in Yemen* di Geneva, Switzerland pada 26 Februari 2019 dan serta menyalurkan sumbangan tambahan sebanyak USD100,000 (RM428 ribu) di Persidangan yang sama pada 2 Jun 2020 demi mengatasi krisis kemanusiaan selain membantu Yaman menangani krisis COVID-19.

8. Selain bantuan kemanusiaan, Malaysia turut menghulurkan bantuan berbentuk latihan menerusi kerjasama dua-hala antara kedua-dua negara. Antaranya, Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) yang telah disertai 323 pegawai dan kakitangan kerajaan Yaman sejak 1981.

Sekian, terima kasih.